

**ETR 300**

**CYBER  
PRODUCTION  
'PRODUCTION HOUSE'**

***Disediakan Untuk:  
En Shaharuddin Jakpar***

*Syed ?*

*17.6*

***Disediakan Oleh:  
Wan Nor Rosliza Wan Enong  
Hasni Hj. Hassan  
Muhammad Hanif Che Hamid  
Mohamad Nasir Che Hasan***

# ISI KANDUNGAN

## MUKA

### SURAT

MUQADDIMAH	-	i
SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	-	ii-iii
ISI KANDUNGAN	-	iv
PENGHARGAAN	-	v
PERGERTIAN LOGO	-	vi-vii
DIARI PENYEDIAAN PROJEK	-	viii
SINOPSIS	-	ix
SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	-	x-xiii
1.PENGENALAN	-	1
2.TUJUAN	-	2
3.LATAR BELAKANG PROJEK	-	3-4
4.LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	-	5-9
5.LATAR BELAKANG TAPAK PROJEK	-	10-11
6.RANCANGAN PEMASARAN	-	13-36
7.RANCANGAN PENGELUARAN	-	37-51
8.RANCANGAN ORGANISASI	-	52-63
9.RANCANGAN KEWANGAN	-	64-90
RUMUSAN	-	91
APPENDIK		

## SINOPSIS

Perusahaan ini ditubuhkan dibawah perniagaan perkongsian yang mana terdiri daripada 5 orang rakan kongsi dan syarikat ini diberi nama Cyber Production.

Aktiviti utama yang kami jalankan ialah menerbitkan telefilem, dokumentari yang mana penggambarannya dibuat di sekitar utara semenanjung Malaysia dan selatan Thailand yang akan dijalankan secara sistematik dan konsisten. Selain itu, kami juga menerbitkan iklan untuk siaran televisyen jika ada permintaan dari pelanggan. Pejabat kami terletak di Lorong Medan Kangar, Kangar, Perlis kerana kedudukannya yang strategik dan terletak di pusat bandar Perlis yang mana segala kemudahan infrastruktur yang lengkap boleh diperolehi dengan senang dan menjimatkan kos.

Pengeluaran untuk satu dokumentari adalah dianggarkan kurang daripada RM30,000 dan telefilem dianggarkan dalam lingkungan RM80,000 namun ianya mungkin melebihi anggaran ini bergantung kepada kesesuaian tempat penggambaran dan sewaan ke atas peralatan yang digunakan. Pada peringkat awal, aktiviti syarikat ini hanya dijalankan di kawasan berhampiran dengan negeri Perlis. Kerja untuk pengeluaran telefilem dan dokumentari dilakukan oleh orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Modal yang diperlukan bagi memulakan operasi adalah sebanyak RM200,000. Setiap rakan kongsi menyumbangkan RM30,000, RM50,000 dibiayai oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad dan selebihnya daripada perjanjian sewa beli. Tempoh pembayaran balik adalah 5 tahun berserta bayaran tambahan sebanyak 10% setahun atas pinjaman. Sebagai jaminan pinjaman salah seorang rakan kongsi telah mencagarkan tanah seluas 3 hektar yang terletak di atas Lot 462, Teluk Kencana, Pasir Putih, Kelantan. Harga pasaran bagi satu-

satu telefilem dan dokumentari berdasar harga yang ditawarkan oleh pelanggan dan rundingan yang akan dibuat.

Matlamat kami di masa hadapan adalah untuk memajukan lagi perniagaan dari segi teknik dan operasi pengeluaran dan sentiasa memberi kelainan kepada penonton televisyen.

## **1.0 PENGENALAN**

Projek utama yang ingin kami usahakan ini adalah perusahaan penerbitan telefilem dan dokumentari yang mana penggambaran dibuat di sekitar Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Penerbitan telefilem dan dokumentari ini merupakan salah satu daripada perusahaan penerbitan yang wujud di utara Tanahair yang mana ianya berpotensi dan boleh mendatangkan hasil yang lumayan jika semua faktor-faktor teknikal serta pengurusan yang baik dan teratur dapat diwujudkan.

Projek ini melibatkan teknologi yang terkini dan canggih yang mengambil masa yang lebih pendek dalam melaksanakan sesuatu penggambaran. Selain itu, teknologi penggunaan solar dan penggambaran di dasar laut yang dihasilkan mempunyai kuanliti yang bermutu dan akan memberi pengetahuan am, serta kepuasan yang tinggi kepada penonton.

Disamping itu, pihak-pihak yang berkenaan seperti RTM, TV3, Metrovision, Mega TV dan Astro telah memberi kerjasama yang erat dari segi pembikinan sesuatu telefilem, dokumentari dan mendapat pasaran dari pihak mereka dan media cetak. Penyelidikan yang telah dijalankan dan maklumat yang kami terima dari pihak media elektronik, rancangan dokumentari mempunyai peminat yang tersendiri dan dianggarkan melebihi 1 juta penonton. Ini menunjukkan rancangan dokumentari adalah satu rancangan yang bermaklumat dan sebagai pengetahuan am kepada penonton.

Kesimpulannya, faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas memberi harapan yang cerah untuk perusahaan ini berkembang maju dan ianya menjadi daya penarik bagi kami untuk menceburi perusahaan ini.